

Client : NOVA MSC BHD
Project : Media Monitoring
Date : 10 June 2003
Publication : Berita Harian / Ekonomi

Nova MSC ke Mesdaq suku ketiga

NOVA MSC Bhd (Nova MSC), pembekal perisian dan perkhidmatan aplikasi penjagaan kesihatan e-Kerajaan, akan disenaraikan di Pasaran Mesdaq Bursa Saham Kuala Lumpur pada suku ketiga tahun ini.

Ketua Eksekutifnya, Steven Chan dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, berkata syarikat itu sudah mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) bagi tujuan penyenaraian itu.

OSK Securities Bhd dilantik sebagai penasihat dan pengurus utama program penyenaraian itu.

Nova MSC diasaskan di Singapura pada 2000 oleh empat usahawan teknologi dari Siemens dengan matlamat untuk mencipta penyelesaian teknologi yang bertujuan memina-

teknologi yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sektor penjagaan kesihatan dan e-kerajaan.

Chan berkata, hasil inovasi kumpulan berkenaan kemudiannya mendapat perhatian dan sokongan Lembaga Sains dan Teknologi Singapura (A*Star) yang menyediakan geran bernilai RM1.2 juta di bawah Skim Insentif Penyelidikan.

Dalam tempoh kurang empat tahun, Nova berjaya mencipta dan mengkomersialkan *Vesalius* iaitu sistem maklumat hospital menyeluruh.

Antara pelanggan utama sistem berkenaan ialah Hospital Besar Singapura, Hospital Universiti Kebangsaan Singapura dan Hospital Pakar Puteri di Johor Bahru.

Aplikasi itu menyokong pentadbiran hospital, pentadbiran pesakit, pengurusan bilik pembedahan, farmasi, inventori dan pengeluaran bil.

Ia turut merangkumi modul klinikal seperti sistem sokongan doktor, pengurusan pesanan dan kejururawatan.

Sementara itu, rangkaian e-Kerajaan yang diperkenalkan syarikat itu mencatat kejayaan sama dan digunakan oleh pelbagai pertubuhan kerajaan di Singapura, Malaysia dan Thailand.

Di Malaysia, pelanggannya termasuk Perbadanan Putrajaya dan di Singapura terdiri daripada Perbadanan Pembangunan Semula Bandar, Lembaga Rangunan dan Pembinaan dan Lembaga Pengangkutan Darat Singapura.

Produk rangkaian e-kerajaan itu terdiri daripada tiga rangkaian utama iaitu *Pavo*, *Octans* dan *Fornax*.

Pavo adalah sistem yang membolehkan sektor kerajaan dan swasta menjalankan urusan niaga di internet, *Octans* pula untuk membantu dalam pengurusan majlis perbandaran tempatan, manakala *Fornax* dicipta untuk memeriksa sama ada rancangan bangunan dan pembangunan elektronik mematuhi peraturan bangunan dan garis panduan perancangan tanah.